

Bandar sate sering banjir

kosmo 4/11/06

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF
megat@kosmo.com.my

KAJANG – Orang ramai yang melalui kawasan Sungai Chua di sini sering mengeluh keresahan apabila hujan lebat kerana bimbang berlakunya banjir kilat.

Bandar yang popular dengan sate sering banjir ekoran sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik sehingga menyebabkannya tersumbat, sekaligus menghalang pengaliran air.

Justeru, penduduk meminta Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) segera mengatasi masalah tersebut.

Tinjauan KOSMO! mendapati, kebanyakan sistem perparitan di kawasan itu tersumbat dengan sampah-sarap sedangkan saiz longkangnya kecil.

Keadaan itu juga menjadi punca masalah banjir kilat sering berlaku di Jalan Sungai Chua di sini baru-baru ini sehingga menyukarkan pengguna jalan raya melalui jalan berkenaan.

Seorang peniaga, R. Krishnamuthu, 46, berkata, longkang di kawasan itu perlu diselenggara dengan baik terutamanya ketika musim hujan.

Menurutnya, kerja-kerja membersih perlu dilakukan dengan lebih kerap supaya tiada sampah terperangkap di sepanjang sistem perparitan di kawasan itu.

“Ini semua untuk kepentingan penduduk supaya pemanduan lebih selesa selain menjamin keselamatan diri dan harta benda pengguna,” ujarnya.



R. KRISHNAMUTHU menunjukkan sampah yang tersangkut di dalam longkang di kawasan Sungai Chua, Kajang semalam.

Seorang kakitangan swasta, Khirul Ainal Salleh, 28, pula memberitahu, longkang di situ seperti tong sampah kerana terdapat segelintir individu sengaja membuang sampah di situ.

“Pihak berkuasa patut menyaman pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah ke dalam longkang selain mengutip sampah mengikut jadual ditetapkan,” katanya.

Bagi Mohamad Suhaimi Abdullah, 35, pula, masalah banjir kilat di kawasan itu perlu dipandang serius kerana ia melibatkan keselamatan pengguna dan harta benda awam.

“Jika kereta rosak akibat banjir kilat, kita tidak akan dilindungi insurans dan akhirnya terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk membaikinya,” katanya.